

TUGASAN 1

Suaikan gambar tempat ibadat dengan agama



Agama Hindu



Agama Sikh



Agama Islam



Agama Buddha



Agama Kristian



Kepercayaan
Animisme

TUGASAN 2

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

serban

malai

gereja

colok

gurdwara

solat

kavadi

mengaji

1. Gibert membaca kitab suci Kristian (Al-Kitab) di _____.
2. Azmir menunaikan _____ lima kali sehari.
3. Ai Peng membakar _____ ketika bersembahyang.
4. Baljit Singh memakai _____ sebagai amalan agamanya.
5. Joseph anak Janting senyap ketika rakan-rakannya sedang _____ al-Quran.
6. Rina Kaur menyertai perarakan Hari Vaisakhi di _____.
7. Thilaga membawa bunga _____ ke kuil untuk dikalungkan kepada patung dewa dan dewi.
8. William dan rakan-rakannya menghormati amalan perarakan _____ semasa Thaipusam.

TUGASAN 3

B. Tandakan [✓] bagi pernyataan yang betul

Bil.	Pernyataan	Jawapan
1.	Naveen senyap apabila berada di kuil.	☐
2.	Saya menghormati amalan agama rakan-rakan.	☐
3.	Ming Chin berpakaian mencolok mata ketika menghadiri majlis berbuka puasa.	☐
4.	Saya tidak menghidangkan daging lembu kepada rakan yang beragama Hindu.	☐
5.	Rakyat dapat hidup dalam suasana harmoni apabila saling menghormati amalan agama lain.	☐
6.	Vinod tidak mentertawakan tindakan Ong yang membakar colok semasa bersembahyang.	☐
7.	Saya berasa marah apabila azan dilaungkan di kawasan kejiranan.	☐
8.	Vincent bertukar-tukar hadiah sesama ahli keluarga semasa perayaan Krismas.	☐
9.	Alena anak Randi menziarahi jiran yang baru kematian ahli keluarga.	☐
10.	Pegangan dan amalan agama menjadikan kehidupan lebih sejahtera.	☐